



SIARAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR
3 OKTOBER 2019

**STATUS KUALITI UDARA DI SEKITAR PREMIS KUALITI ALAM SDN
BHD SUSULAN KEJADIAN KEBAKARAN 2 OKTOBER 2019**

PUTRAJAYA 3 Oktober 2019 – Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melakukan pemantauan kualiti udara di sekitar premis Kualiti Alam Sdn. Bhd. selepas kerja-kerja pemadaman oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JPBM) selesai.

Setakat jam 3.00 petang, kualiti udara di sekitar kawasan kejadian adalah pada paras normal.

JAS akan terus menjalankan pemantauan dan memaklumkan status kualiti udara di sekitar kawasan kejadian kebakaran setiap hari dan telah mula menjalankan persampelan kualiti air di dalam serta sekitar kawasan premis.

Orang ramai dinasihatkan merujuk kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh JAS atau hubungi talian bebas tol 1-800-2727 atau 010-363 9017 (Talian Aduan JAS Negeri Sembilan)

- Tamat -

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Encik Norhisham bin Abdul Hamid

Ketua Penolong Pengarah,

Bahagian Bahan Berbahaya,

Jabatan Alam Sekitar,

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

Putrajaya.

Tel: 013-3629219

Atau

Encik Sharudin Rosli

Pegawai Perhubungan Awam,

Jabatan Alam Sekitar,

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

Putrajaya.

Tel: 012-3023864